



TATACARA PELAJAR DI ASRAMA KOLEJ PROFESIONAL MARA BANDAR PENAWAR

PENGLIBATAN

SEMUA PELAJAR YANG MENGINAP DI ASRAMA

TATACARA UNTUK OUTING & BERMALAM

1. Bermula diambil Julai 2020, outing pelajar adalah seperti di bawah:

HARI	MASA	PELAJAR
AHAD	10 Pagi – 6 petang	Siswa
ISNIN	10 Pagi – 6 petang	Siswi
SELASA	10 Pagi – 6 petang	Siswa
RABU	10 Pagi – 6 petang	Siswi
KHAMIS	7 Pagi – 6 petang	Siswa & Siswi
JUMAAT	7 Pagi – 7 petang	Siswa & Siswi
SABTU	7 Pagi – 10.30 Malam	Siswa & Siswi

2. Pelajar perlu mengikut peraturan keluar masuk kolej yang telah ditetapkan. Kegagalan untuk mengikut peraturan tersebut boleh menyebabkan pelajar akan dikenakan tindakan disiplin dari pihak kolej.
3. Pelajar wajib untuk mengimbas kad ID di pondok pengawal dan memilih pilihan outing yang betul.
4. Pelajar perlu memuat turun aplikasi “My Sejahtera” dan “Check In” bila kembali semula ke kolej sama ada dari outing atau pulang bermalam.
5. Bagi pelajar-pelajar yang tidak dibenar outing, jika ada **KECEMASAN** yang memerlukan untuk outing, kebenaran adalah daripada TPHEP dan Ketua Felo sahaja dengan memohon secara rasmi.
6. Pelajar-pelajar yang kembali ke kolej daripada pulang bermalam perlu memaklumkan kepada pengawal dan suhu akan diambil dan jika pelajar mempunyai gejala seperti demam, batuk, selesema dan sakit tekak **TIDAK DIBENARKAN** untuk masuk ke kolej.
7. Hanya **SEORANG** sahaja wakil ibubapa, penjaga atau waris yang dibenar untuk masuk ke dalam kolej kolej untuk menghantar atau mengambil pelajar.
8. Ibumama, penjaga atau waris perlu melakukan pemeriksaan suhu di pondok pengawal sebelum masuk ke kolej untuk mengambil atau menghantar pelajar. Ibumama, penjaga atau waris **DILARANG** untuk masuk ke kawasan asrama dan perlu berada hanya di dalam kenderaan sahaja.

TATACARA UNTUK MENONTON TV DI ASRAMA

1. Pelajar dibenarkan untuk menonton tv di ruangan tv asrama.
2. Pelajar **DIGALAKKAN** memakai pelitup muka dan membawa hand sanitizer sendiri semasa menonton tv. Pelajar perlu sentiasa menggunakan hand sanitizer itu sewaktu berada di kawasan tersebut dan kawasan-kawasan yang melibatkan aktiviti berkumpul.
3. Pelajar **DIGALAKKAN** untuk membawa alat kawalan jauh astro sendiri yang boleh dimuat turun dalam telefon pelajar. Ini untuk mengelakkan pelajar terdedah kepada alat kawalan jauh yang dipegang oleh ramai pelajar lain.
4. Pelajar **WAJIB** untuk duduk hanya pada kerusi yang dibenarkan sahaja dan tidak memenuhi ruangan tv tersebut setelah kerusi-kerusi yang ada telah diduduki pelajar lain.
5. Pelajar digalakkan mandi dan membersihkan diri setelah balik ke bilik masing-masing daripada menonton tv.
6. Pelajar adalah **DILARANG** untuk mengambil gambar di ketika berada di ruangan tv tersebut untuk mengelakkan gambar tersebut dimanipulasi pihak tidak berkaitan.
7. Bagi pelajar-pelajar yang tidak sihat atau bergejala seperti demam, batuk, bersin, selesema dan sakit tekak **TIDAK DIBENARKAN** untuk menonton tv dan perlu memaklumkan kepada pihak kolej atau felo untuk tindakan selanjutnya.

TATACARA SEMASA DI BILIK ASRAMA

1. Pelajar perlu berada di bilik yang ditetapkan sahaja dan mengurangkan aktiviti pergerakan di kawasan luar bilik. Penjarakan sosial di kawasan asrama perlu sentiasa dipatuhi.
2. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** untuk membawa masuk pelajar-pelajar lain ke dalam bilik kecuali jika ada tugas-tugas kelas yang memerlukan pelajar berkumpul. Perkara ini perlu dimaklumkan terlebih dulu kepada pihak felo. Pemakaian pelitup muka digalakkan semasa waktu berkumpul dan menjaga penjarakan sosial.
3. Pelajar **DIGALAKKAN** untuk membeli hand sanitizer sendiri setiap bilik untuk tujuan kebersihan diri di dalam bilik.
4. Pelajar perlu sentiasa memastikan bilik dalam keadaan yang kemas dan bersih. Pelajar perlu memastikan pakaian, alas katil dan bantal dibasuh sekerapnya untuk memastikan kebersihan terjamin.
5. Pelajar juga perlu memastikan tidak berlaku kesesakan ketika menggunakan bilik air. Bilangan pelajar yang perlu berada di dalam bilik air adalah berdasarkan bilangan tandas dan bilik mandi yang ada sahaja.
6. Pelajar digalakkan membersihkan bilik air dengan kerap untuk memastikan tahap kebersihan yang maksimum.

****Tindakan disiplin akan dikenakan kepada mana-mana pelajar yang ingkar kepada tatacara yang ditetapkan**

TATACARA KE KLINIK BAGI PELAJAR YANG TIDAK SIHAT

1. Sekiranya pelajar mengalami gejala tidak sihat semasa waktu pejabat dan ingin mendapatkan rawatan di klinik kerajaan, pelajar WAJIB mengisi butiran yang pada borang tempah yang disediakan oleh pihak klinik kesihatan untuk mendapatkan slot rawatan.
2. Sekiranya pelajar yang mengalami gejala tidak sihat selepas waktu pejabat dan ingin mendapatkan rawatan di klinik swasta, pelajar hanya perlu menghubungi felo bertugas dan felo akan membawa pelajar ke klinik berdekatan.
3. Pelajar boleh memaklumkan kepada felo bertugas sekiranya ada kad perubatan dan mendapatkan rawatan di klinik swasta yang menjadi panel kepada kad rawatan tersebut.
4. Pelajar yang telah mendapat rawatan sekiranya masih bergejala, perlu memaklumkan kepada felo atau pihak asrama untuk urusan penempatan di bilik sakit. Pelajar akan diasingkan dan jika perlu pelajar akan diarahkan untuk balik dengan mendapat persetujuan daripada pelajar dan ibubapa.
5. Pelajar juga **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri kelas atau keluar dari bilik untuk tujuan pemantauan. Pelajar perlu memaklumkan kepada felo sekiranya ingin berbuat demikian.

****Tindakan disiplin akan dikenakan kepada mana-mana pelajar yang ingkar kepada tatacara yang ditetapkan**

TATACARA SOLAT JEMAAH DI SURAU AS-SYIFA KPMBP

PANDUAN AHLI JEMAAH SEBELUM KE SURAU

1. Menggalakan ahli jemaah mengambil wuduk sebelum hadir ke surau.
2. Ahli jemaah dikehendaki membawa sejadah dan telekung masing-masing, sekiranya gagal maka tidak dibenarkan untuk memasuki surau.
3. Ahli jemaah dikehendaki memakai pelitup muka sekiranya gagal maka tidak dibenarkan untuk memasuki surau.
4. Ahli Jemaah **DIBENARKAN** hadir 15 minit sebelum azan dikumandangkan

PANDUAN AHLI JEMAAH SEBELUM SOLAT FARDHU LIMA WAKTU

1. Penggunaan paip air untuk berwuduk dengan penjarakan sosial jarak 1 meter.
2. Mencuci tangan menggunakan hand sanitizer.
3. Duduk dan kekal di saf yang telah ditetapkan dan mematuhi penjarakan sosial sehingga solat fardhu lima waktu selesai dilaksanakan;

PANDUAN AHLI JEMAAH SELEPAS SOLAT FARDHU LIMA WAKTU

1. Keluar dari saf dengan tertib dan teratur tanpa bersentuhan.
2. Memastikan tiada amalan bersalaman selepas solat.
3. Tidak berkumpul dan hendaklah segera meninggalkan surau selepas solat.
4. Memastikan semua pintu surau ditutup selepas semua ahli jemaah bersurai.